

**Parlimen: SPR Tidak Harus Dilanyak - Shahrir Samad**  
**Bernama**  
**5 April, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak harus "dilanyak" kerana bukan ia yang menentukan nasib seseorang calon pada pilihan raya, kata seorang Anggota Parlimen Khamis.

Datuk Seri Abdul Shahrir Samad (BN-Johor Baharu) berkata sebaliknya nasib mereka ditentukan Allah S.W.T selain berdasarkan kepada pemilihan pengundi.

"Dengan itu, tidaklah perlu untuk mana-mana pihak dengan sengaja melanyak SPR dengan menuduhnya tidak adil dan mendakwa polis tidak adil bagi menggambarkan kononnya proses pilihan raya tidak bersih," katanya.

Beliau berkata demikian semasa mencelah ucapan Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah) ketika perbahasan Pertimbangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2012 di Dewan Rakyat di sini.

Wakil rakyat berpengalaman itu berkata keadaan yang berlaku sebenarnya tidak memberi sebarang manfaat kerana penentuan kemenangan seseorang wakil rakyat bukan tertakluk kepada faktor itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657337>